


KERATAN AKHBAR

TARIKH : 4 JANUARI 2024
AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4

PADU basmi miskin tegar



ANWAR (empat dari kiri) pada Majlis Peluncuran PADU di Putrajaya kelmarin memberi jaminan bahawa manfaat dan kemudahan yang ditawarkan kerajaan bakal dinikmati sepenuhnya golongan yang layak seterusnya berupaya mengekang ketirisan.

Subsidi dinikmati 3.5 juta warga asing, tak sampai golongan sasar **PADU basmi miskin tegar**

Oleh **HARRITH HISHAM**

PETALING JAYA – Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan pelaksanaan sistem Pangkalan Data Utama (PADU) diharap dapat membantu usaha kerajaan membasmi kemiskinan tegar di negara ini.

Menurutnya, kerajaan sebelum ini membelanjakan sekitar RM22 bilion untuk membantu rakyat miskin dan mereka yang memerlukan khususnya di desa dan pedalaman.

Bagaimanapun, katanya, ka-

jian menunjukkan tidak semua peruntukan sampai kepada golongan sasar berikutan pelbagai ketirisan.

“Bahkan subsidi yang kini berjumlah hampir RM80 bilion yang sepatutnya hanya dinikmati orang-orang susah, turut dinikmati 3.5 juta warga asing dan golongan mahakaya.

“Mana mungkin masih wujud miskin tegar dalam negara ini sekiranya perbelanjaan berjumlah RM22 bilion dan subsidi RM80 bilion itu semuanya sampai kepada golongan miskin dan

orang-orang susah,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan memberitahu, kerajaan melancarkan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU) kelmarin dalam usaha menghentikan ketirisan perbelanjaan dan subsidi yang sepatutnya dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan.

Menurutnya, beliau tidak sanggup untuk membiarkan ketirisan dana kerajaan berterusan atau membenarkan hak orang-orang susah dirampas golongan

kaya dan berkemampuan.

“Pelancaran PADU bertujuan menghentikan ketirisan dan memastikan hanya mereka yang berhak dapat menikmati subsidi serta manfaat lain menerusi penyasaran yang berkesan,” jelasnya.

Untuk rekod, pendaftaran PADU telah dibuka kepada rakyat Malaysia bermula kelmarin sehingga 31 Mac depan bagi membolehkan orang ramai membuat kemas kini serta mengesahkan maklumat peribadi seperti nombor MyKad, bilangan isi rumah dan alamat.